KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JPN PAHANG			

BH 280122_20

Nasional

Jumaat, 28 Januari 2022

Pelombong haram bijih besi ceroboh Hutan Simpan Ibam

Jabatan Perhutanan Pahang sita jengkaut, kesan dalang kegiatan

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my



Jengkaut yang disita dipercayai digunakan untuk melombong bijih besi secara haram di Hutan Simpan Ibam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Rompin: Jabatan Perhutanan Pahang menggagalkan cubaan menceroboh Hutan Simpan Ibam, Muadzam Shah untuk melombong bijih besi secara haram, dalam serbuan kelmarin.

Jabatan itu melumpuhkan kegiatan haram di Kompatmen 86, selepas mereka mendapat aduan awam.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat kuasa) jabatan berkenaan, Nor Azirim Ahmad, berkata pihaknya dibantu kakitangan Pejabat Hutan Daerah Rompin ke lokasi, seterusnya memantau kawasan berkenaan.

Beliau berkata, pemeriksaan menemui jengkaut dipercayai digunakan untuk melombong bijih besi secara haram dan berada dalam Hutan Simpan Ibam tanpa permit daripada Jabatan Perhutanan Pahang.

"Kita percaya jengkaut terbabit digunakan bagi mengangkat ketulan batu ke atas lori untuk dipindahkan ke kawasan lain, sebelum melalui proses seterusnya.

"Beberapa lubang bersaiz sederhana besar turut ditemui dalam kawasan terbabit yang dipercayai bekas kesan ketulan batu yang diambil oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk diproses," katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya menyita jengkaut terbabit dan disimpan sementara di Pejabat Renjer Hutan Muadzam Shah.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984.

Nor Azirim berkata, kes itu yang pertama tahun ini membabitkan kegiatan melombong bijih besi dalam hutan simpan kerana Hutan Simpan Ibam terkenal dengan kegiatan melombong emas.

Katanya, usaha mengesan dalang kegiatan berkenaan sedang dilakukan. "Kita tidak akan bertkompromi dengan mana-mana pihak yang terbukti melakukan kesalahan, tindakan undang-undang akan dikenakan di atas setiap kesalahan dilakukan.

"Saya meminta mana-mana pihak supaya dapat memberi kerjasama dengan memberi maklumat, sekiranya mengetahui kegiatan menceroboh hutan simpan dan bertindak memindahkan hasil hutan tanpa kebenaran," katanya.